

**KEBERKESANAN INTERVENSI AKTIVITI KEROHANIAN YANG DIJALANKAN
TERHADAP TAHAP KESUNYIAN WARGA EMAS**

Khadijatul Mardhiyah Md Yusoff¹

Rohingya Education Centre
Emel: *ijahyusof93@gmail.com*

Zaidi bin Fadzil²

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Warga emas sering dikaitkan dengan kesunyian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesunyian warga emas dan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian di rumah jagaan, Darul Hanan Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini juga untuk mengenal pasti perbezaan warga emas yang terlibat dengan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian berdasarkan jantina di Darul Hanan Pulau Pinang. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan data dikumpul melalui borang soal selidik. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS. Dua set soal selidik yang digunakan, iaitu soal selidik UCLA *Loneliness Scale* yang mempunyai kebolehpercayaan iaitu 0.96. Set inventori ini juga mengandungi 20 soalan yang mengukur tahap kesunyian dan soal selidik yang terdiri daripada 10 soalan iaitu mengukur keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian. Kajian ini adalah seramai 40 orang warga emas. Kesemua data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS) Version 23.0*. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap warga emas berada pada tahap tinggi (min keseluruhan = 4.09). Selain daripada itu, tahap kesunyian warga emas berada pada tahap sederhana (min = 2.83). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kesan intervensi aktiviti kerohanian terhadap tahap kesunyian warga emas. Berdasarkan dapatan kajian, diharapkan pihak yang terlibat dengan jagaan warga emas dapat mengaplikasikan pendekatan kerohanian yang lebih bersepadu dan sistematik dalam menguruskan aktiviti seharian kearah mensejahterakan warga emas.

Kata kunci: Aktiviti Kerohanian, Warga Emas, Kesunyian.

Abstract

Seniors are often associated with loneliness. Therefore, this study aims to identify the level of loneliness of the elderly and the effectiveness of the intervention of spiritual activities in the care home, Darul Hanan Penang. In addition, this study is also to identify the differences of senior citizens involved with the effectiveness of spiritual activity interventions based on gender in Darul Hanan Penang. The study was quantitative and data were collected through questionnaires. The collected data were analyzed descriptively using SPSS software. Two sets of questionnaires were used, namely the UCLA Loneliness Scale questionnaire which had a reliability of 0.96. This inventory set also contains 20 questions that measure the level of silence and a questionnaire consisting of 10 questions that measure the effectiveness of the intervention of spiritual activities. The study was a total of 40 senior citizens. All data collected were analyzed using Statistical Packages For Social Science (SPSS) Version 23.0. The findings of the study showed that the effectiveness of the intervention of

spiritual activities carried out on the elderly was at a high level (overall mean = 4.09). Apart from that, the level of loneliness of the elderly was at a moderate level (mean = 2.83). The findings of the study also indicate that there is a significant relationship between the effects of spiritual activity interventions on the level of loneliness of the elderly. Based on the findings of the study, it is hoped that those involved in the care of the elderly can apply a more integrated and systematic spiritual approach in managing daily activities towards the well-being of the elderly.

Keywords: *Spiritual Activities, Seniors, Silence.*

PENGENALAN

Intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan mampu membantu tahap kesunyian warga emas. Pelbagai langkah yang dibuat bagi membantu warga emas menjalani kehidupan mental yang sihat, salah satunya melalui intervensi aktiviti kerohanian.

Fitrah perubahan manusia akan mengalami beberapa tahap perkembangan bermula ketika kelahiran sehingga kematian. Terdapat lapan tahap perkembangan manusia dan setiap peringkat mempunyai perkembangan tersendiri. Peringkat akhir manusia ialah dewasa akhir atau digelar sebagai warga emas. Berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia bakal menuju negara tua. Seiring dengan penambahan pusat jagaan, masalah kesihatan dalam kalangan warga emas juga perlu diberi perhatian. Pada peringkat ini, warga emas berhadapan dengan pelbagai masalah seperti keupayaan fizikal, kesihatan, penjagaan dan gangguan emosi.

Teori Maslow menekankan kepada keperluan kasih sayang, penghormatan, penghargaan diri dan keunggulan diri. Kewujudan perkhidmatan kaunseling yang pelbagai seperti kaunseling warga emas perlu dijalankan mengikut kaedah yang betul. Keperluan penjagaan diri seperti keperluan tempat tinggal, keselamatan, alat sokongan dan keperluan lain. Menurut Nor Raudah (2015), warga emas lebih gemar mengurangkan urusan dunia dan memberi tumpuan yang lebih ke atas nilai kerohanian. Terdapat pelbagai inisiatif yang disediakan oleh pelbagai agensi seperti program kerohanian yang dapat membantu warga emas mengendalikan emosi mereka dengan sebaiknya.

Pernyataan Masalah

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015) menunjukkan terdapat sebanyak 1585 penghuni ditempatkan di Sembilan buah Rumah Seri Kenangan yang terdapat di seluruh Malaysia dan 217 penghuni di Rumah Ehsan dalam usaha menjamin kesejahteraan warga emas di hari tua. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan warga emas ditempatkan di rumah jagaan ialah faktor kerjaya anak, ibubapa dianggap sebagai beban, mengejar kebendaan, kurangnya nilai agama, ketiadaan pendedahan kepada anak tentang keperluan menghargai warga emas dan kenikmatan anak hidup dalam kesenangan, (Surina Nayan, 2006). Manakala, menurut Nor Raudah Siren (2015) pula, warga emas yang menetap di rumah jagaan adalah untuk beribadat, mendalami ilmu agama serta mempunyai tempat tinggal yang selesa bersama komuniti rakan sebaya.

Kesunyian, kehilangan orang yang tersayang, kemerosotan fungsi fizikal serta kognitif yang dialami oleh warga emas, (Lopata, 1995). Kajian oleh Penduduk Keluarga Malaysia kali ke-5 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara tahun 2014, seramai 34.2 peratus atau satu pertiga warga emas di Malaysia pernah menghadapi sindrom kesunyian. Untuk mengubati kesunyian

ini, salah satunya adalah kaunseling dan sumber daripada laman web www.myhealth.gov.my, terapi bersama kucing juga berkesan dalam menangani sindrom kesunyian.

Selain daripada rawatan kaunseling, terapi dalam perhubungan sosial juga penting dalam membantu perkembangan warga emas (Sofia, Bakyraktar & Uguz, 2016), namun, seiring dengan manusia yang semakin menginjak, berlaku perkembangan dan semakin menurun dan menyebabkan kepada kesunyian berdasarkan kajian oleh Polat dan Kahraman (2013).

Menurut Norazam (2016), NGO dan sekolah banyak mengadakan lawatan sosial wargaemas. Ini adalah salah satu penglibatan sosial dan meningkatkan produktiviti mereka. Salah satu aktiviti yang membantu warga emas ialah dengan aktiviti kerohanian.

Keperluan kerohanian merupakan satu pendedahan aktiviti dalaman yang berkaitan dengan keperluan roh kepada warga emas, seperti pembelajaran sepanjang hayat melalui ceramah, mengaji al-Quran, amalan ibadah dan seumpama yang berkaitan dengan psikologi, emosi dan kerohanian (Setiyawan et al. 2019).

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.

Objektif kajian

- i. Menenalpasti keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian terhadap warga emas.
- ii. Menenalpasti tahap kesunyian warga emas.
- iii. Menenalpasti perbezaan jantina dengan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.
- iv. Menenalpasti hubungan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang telah dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.


Persoalan kajian

- i. Adakah keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian terhadap warga emas.
- ii. Adakah tahap kesunyian warga emas.
- iii. Adakah perbezaan jantina dengan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.
- iv. Adakah terdapat hubungan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang telah dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.

Kerangka konseptual

Kajian ini menyandarkan kerangka konseptual berasaskan kepada model pengalaman Perlman dan Peplau pada tahun 1998. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kesunyian iaitu personaliti, budaya dan nilai kehidupan. Ketiga faktor ini mempengaruhi individu untuk memilih hidup bersendirian atau bermasyarakat. Model ini juga menerangkan bahawa perasaan kesunyian merupakan perasaan yang terhasil daripada interaksi antara personaliti, budaya, nilai dan kejadian yang tidak diingini. Perasaan

kesunyian dapat dipulihkan melalui rawatan atau intervensi untuk menguatkan dalaman diri individu. Model lain iaitu De Jong-Gierveld (1987) menjalankan hipotesis bahawa ciri-ciri demografi, keadaan tempat tinggal dan ciri-ciri personaliti membawa kepada kesunyian.



Rajah 1.1 : Kerangka konseptual

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Marziah et al. (2013) di Rumah Seri Kenangan mendapati bahawa warga emas yang menetap di rumah jagaan, mereka akan berdepan dengan risiko kesunyian seperti kurang dilawat oleh saudara mara, tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan anak-anak dan jarang dihubungi oleh ahli keluarga melalui alat telekomunikasi. Selain itu, mereka tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan penghuni lain, dan mempunyai pandangan yang negatif terhadap staf jagaan. Ini ditambah oleh kajian yang dilakukan oleh Norlela dan M.Sharif (2019), warga emas wanita di rumah Seri Kenangan Sarawak menunjukkan bahawa warga emas yang tinggal di rumah kebajikan tersebut mengalami emosi kesunyian yang boleh mengganggu emosi, perasaan dan sosial warga emas.

Menurut kajian Amran, Asmah dan Norbayah (2013), kekurangan hubungan dengan elemen kerohanian atau spiritual menyebabkan kepada kesunyian. Kajian ini dikuatkan lagi oleh kajian Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2013), terhadap warga emas di rumah kebajikan mendapati bahawa warga emas menyerahkan diri kepada ketentuan Allah SWT dan melakukan amal soleh dengan penuh keikhlasan dalam kehidupan seharian.

Kajian yang berbeza pula, telah dijalankan ke atas pelajar di institusi pengajian pondok bagi mengesan penghayatan setiap amalan yang diamalkan dalam kehidupan seharian seperti bacaan al-Quran, bacaan zikir, amalan-amalan sunat, majlis tafakur dan majlis ta'alim bersama guru. Hasil kajian mendapati bahawa jika amalan kerohanian diamalkan secara berterusan mampu memberi kesan yang positif terutamanya dalam pembentukan akhlak yang baik. (Nur Najihah & Syed Hadzullatfi, 2017). Kajian oleh Arasy dan Mashitah (2019), pengisian aktiviti kerohanian yang dijalankan di pondok warga emas, Madrasah Ibnu Mas'ud mendapati bahawa kesan pengajian membantu mereka mengecapi hidup yang berkualiti terutamanya selepas persaraan mereka. Kajian yang dibuat di Barat seperti sembahyang di rumah-rumah ibadat dapat membantu pengurusan emosi apabila berada dalam suasana yang tegang. (Jong, 2020).

Keberkesanan amalan kerohanian dapat mengatasi tingkah laku yang tidak normal. (Chatard et al, 2020). Menurut Vishin dan Tamir (2020) pendekatan dalam keagamaan juga dapat membantu kebimbangan dalam menghadapi kematian dan sebagai satu mekanisme yang mengganggu kesan negatif akibat kebimbangan terhadap kematian. Selain itu, pendekatan dalam kerohanian dapat meningkatkan harapan dan mengurangkan ketakutan terhadap kematian.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian eksperimental dan responden mempunyai ciri-ciri yang sama. Sampel yang diambil ialah seramai 40 orang mengikut pandangan Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel secara bertujuan dan mempunyai ciri-ciri tertentu.

Penghuni yang dipilih berumur antara 60 tahun ke atas, tidak mengalami masalah pendengaran yang kronik, tidak mengalami penyakit dementia yang kronik, mampu memberikan kerjasama yang baik sepanjang pengkaji mengambil maklumat diri. Tempat kajian telah dijalankan di rumah jagaan di Darul Hanan Pulau Pinang dan merupakan badan NGO dan bantuan daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Rumah ini menempatkan pelbagai latar belakang penghuni dan kesemua penghuni beragama Islam.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kuantitatif, soal selidik digunakan dan mempunyai tiga bahagian. Bahagian A ialah demografi responden, bahagian B berkenaan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian dan bahagian C menggunakan instrumen *UCLA Loneliness scale*. Instrumen *UCLA Loneliness Scale* ini mempunyai 20 item, dan mengandungi 9 item soalan bersifat positif, 11 item soalan yang bersifat negatif, dan tidak mempunyai dimensi. Kebolehpercayaan instrumen dan nilainya ialah 0.88 iaitu amat baik. Bahagian B iaitu keberkesanan aktiviti kerohanian kepada warga emas mempunyai 10 item soalan dan diolah berdasarkan kajian ke atas penagih dadah yang menjalani rawatan pemulihan dan kesan modul keagamaan, kajian oleh Siti Norlina dan lain-lain, (2015). Item soal selidik daripada kajian keatas pelatih di pusat pemulihan yang dipilih menunjukkan kesemua item dalam bahagian dalam soal selidik mempunyai min yang tinggi.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa pelatih-pelatih tersebut berpuas hati dengan program keagamaan yang dijalankan serta berpendapat bahawa program keagamaan yang dijalankan adalah menarik, tidak membosankan serta mampu memberi semangat kepada mereka.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan sistem *Statistical Package for Sosial Science (SPSS) versi 23.0*. Data deskriptif digunakan untuk mengetahui bilangan dan peratus responden lelaki dan perempuan, umur, tahap pendidikan, status perkahwinan dan tempoh menetap di situ. Bagi menjawab soalan kajian pertama dan kedua, pengkaji menggunakan analisis data deskriptif min bagi mengetahui tahap kesunyian dan keberkesanan program kerohanian. Manakala, soalan yang ketiga ialah kajian berkaitan dengan intervensi aktiviti kerohanian yang daplikasikan kepada warga emas dan kajian berbentuk hubungan dianalisis secara inferensi, iaitu ujian *Korelasi Pearson*. Soalan kajian berkaitan perbezaan menggunakan ujian t sampel bebas (independent sample test).

1. Tahap keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang telah dijalankan terhadap warga emas.

Jadual 1 : Analisis tahap keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian

Item	M	SP	Tahap
Intervensi aktiviti kerohanian	4.09	.22	Tinggi

Daripada analisis deskriptif jadual 1 diatas bahawa secara keseluruhannya, tahap keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian terhadap warga emas berapa pada paras tinggi (M=4.09, SP=0.22).Ini menunjukkan tahap keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian dalam kalangan warga emas di Darul Hanan berada pada tahap tinggi. Tahap kesunyian memberi kesan kepada keberkesanan aktiviti kerohanian.

Jadual 2: Aktiviti warga emas di Darul Hanan Pulau Pinang

Bil	Aktiviti Keagamaan di Surau Darul Hanan Pulau Pinang
1.	Kuliah Dhuha : <ul style="list-style-type: none"> • Kupasan Kitab-kitab “Penawar bagi hati” • Bacaan ayat-ayat lazim • Aktiviti berkala (quiz tentang asas-asas dalam Ibadah)
2.	Talaqi Al-Quran/ bacaan Iqra secara seorang demi seorang.

2. Tahap kesunyian warga emas (Darul Hanan Pulau Pinang)

Jadual 3 : Analisis tahap kesunyian warga emas

Item	Dimensi	M	SP	Tahap
Keseluruhan Intrumen <i>UCLA LONELINESS</i>	<i>Unidimensional</i>	2.83	.56	Sederhana

Instrumen *UCLA Loneliness* ini bersifat *unidimensional* iaitu menyeluruh dan tidak mempunyai dimensi tertentu. Daripada analisis deskriptif jadual 3 diatas bahawa secara keseluruhannya, tahap kesunyian berapa pada paras sederhana (M=2.83, SP=0.56). Ini menunjukkan bahawa suasana di tempat tersebut dipenuhi dengan terisi dengan pelbagai program seperti aktiviti kerohanian, senaman dan fisioterapi. Ditambah lagi, warga emas dapat berinteraksi sesama mereka dan membina hubungan sedikit sebanyak membantu mereka mengendalikan emosi dan mengurangkan tahap kesunyian.

3. Perbezaan warga emas yang terlibat dengan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian berdasarkan jantina.

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan warga emas lelaki dan warga emas wanita yang terlibat dengan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap tahap kesunyian.

Analisis ujian-t sampel bebas yang dijalankan menunjukkan min keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian perempuan (M: 4.12, SP: 0.23) lebih tinggi daripada mean keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian lelaki (M: 4.05, SP: 0.20). Namun dapatan ujian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan penghuni ($p>0.05$, $df=38$, $t=0.94$). Oleh itu, Ho1 gagal ditolak. Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian berdasarkan jantina.

4. Mengenalpasti hubungan keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian yang telah dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.

Ho2 : Tidak terdapat hubungan antara intervensi aktiviti kerohanian yang telah dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas.

Daripada analisis korelasi pearson yang dijalankan menunjukkan bahawa telah terdapat hubungan antara intervensi aktiviti kerohanian terhadap tahap kesunyian ($r=.103$, $p>0.05$). Oleh itu, Ho2 ditolak. Kesimpulannya, tahap kesunyian tidak mempunyai kaitan antara intervensi aktiviti kerohanian, ini bertepatan dengan kajian oleh Arasy dan Mashitah (2019). Warga emas yang diberi pengisian kerohanian membantu mereka mengecapi kehidupan yang berkualiti.

Jadual 4: Korelasi antara keberkesanan intervensi aktiviti kerohanian dengan tahap kesunyian warga emas.

Pembolehubah	1	2
I.A.Kerohanian(1)	1	.103
Kesunyian (2)	.261	1

$P>0.05$

PERBINCANGAN

Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kesunyian warga emas berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini menggunakan instrument *UCLA Loneliness Scale* dan alat instrumen ini tidak mempunyai dimensi (undimensional construct). Terdapat kajian dengan hasil analisis ialah kajian yang dilakukan oleh Amran et al. (2015) ke atas warga emas di suatu tempat di Malaysia. Kajian oleh Amran et al. (2013) menyatakan bahawa walaupun mereka mempunyaikesunyian namun warga emas mempunyai cara tersendiri untuk bertindak dalam menghadapi hari-hari yang mendatang. Tambahan lagi, keadaan persekitaran yang dipenuhi pelbagai aktiviti kerohanian membantu tahap kesunyian warga emas. Intervensi aktiviti kerohanian bertujuan untuk merawat emosi warga emas, sebagai satu sistem sokongan emosi sebagaimana disokong oleh kajian Kiyak dan Hooyman (2002). Begitu juga mendapati bahawa warga emas yang mempunyai satu strategi daya tindak sebagai satu cara daripada menghadapi perasaan kesunyian. Lokasi kajian dibawah PAWE atau Pusat Aktiviti Warga Emas ialah satu khidmat yang bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan (*developmental*) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan lain serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), (Setiyawan et al., 2019).

Aktiviti yang digunapakai oleh PAWE iaitu Zadul Hayah walaupun masih dalam pembentangan namun membantu warga emas dalam mensejahterakan kesihatan mental. Zadul Hayah mengandungi doa harian, kelas pengajian, ceramah agama dan amalan ibadah. Selain itu, diberi penekanan terhadap jasmani, rawatan kesihatan, pengaturan makanan dan minuman dan aktiviti bersukan. Kajian oleh Khin, Mohd said dan Wan Nur Syakirah (2017) mendapati bahawa tidak ada perkaitan antara faktor demografi dengan tahap kesunyian. Walaupun tiada perkaitan tetapi mereka mengalami kesunyian samaada di tahap rendah, sederhana atau tinggi. Sebanyak 84.8% warga emas yang tinggal di rumah jagaan yang menggunakan instrumen *UCLA Loneliness Scale* tidak mengalami kesunyian (Celen, Abuhanaglo & Teke, 2016). Kajian oleh Siti Nur Adibah (2013) tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesunyian di antara subjek lelaki dan perempuan, walaupun kajian ini keatas responden mahasiswa Universiti, namun ia dapat dikaitkan dengan kesunyian dengan jantina.

RUMUSAN

Kesimpulannya, dapatan kajian daripada hasil analisis deskriptif dan inferensi menjawab persoalan kajian, pengkaji mendapat bahawa tahap kesunyian warga emas di tempat jagaan Darul Hanan, Pulau Pinang berada pada tahap yang sederhana dan tiada hubungan dengan jantina samada lelaki mahupun perempuan. Warga emas yang menetap di situ majoriti mempunyai pendidikan yang rendah namun ini tidak memberi kesan kepada tahap kesunyian warga emas. Hal ini mungkin disebabkan pusat jagaan tersebut mempunyai pelbagai aktiviti, antaranya ialah pengisian kerohanian, senaman pada waktu pagi, aktiviti menonton wayang pada malam Sabtu di dewan pusat jagaan, fisioterapi dan juga warga emas disitu boleh menjalinkan hubungan sosial sesama mereka kerana konsep bangunan yang selesa.

RUJUKAN

Amran Hassan, Asmah Ismail & Norbayah Ariffin. (2013). Konsep model dan faktor berlakunya kesunyian @ loneliness di kalangan warga emas. *Jurnal kebajikan Masyarakat*, 39, 92-

- 103.
- Amran Hassan, Noriah Mohamed dan Zubaidah Rasol. (2013). Perasaan “Loneliness” @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang menghuni di rumah seri kenangan, cheras, Selangor. *Journal of Human Development and Communication, Volume 2*, 89-103.
- Amran Hassan, Asmah Ismail, Suriati Ghazali & Norbayah Arifin. (2012). *Kesunyian atau 'Loneliness': Mengapa Ini Berlaku Di Kalangan Warga Emas*. Prosiding of International Environment and Health Conference 2012. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Asmawati Desa, Getrude Cosmod, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Azniza Ishak, Nabisah Ibrahim, Mohd Makza Musa. (2015). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: SJ Learning.
- De Jong Gierveld, J. (1998). A review of loneliness: Concept, definitions, determinants and consequences. *Reviews in Clinical Gerontology, 8*, 73-80.
- De Jong-Gierveld, J. (1987). Developing and testing a model of loneliness. *Journal of Personality and Social Psychology, 53*, 119-128.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2013). Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. *Jurnal artikel UKM : Islamiyyat, 35*(1), 19-28.
- Khadijah Alavi, Rahil M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan. (2010). Keperluan Sokongan Emosional Dalam Kalangan Anak Dewasa Yang Menjaga Warga Tua. *Laporan Penyelidikan dan Penerbitan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Lopata H.Z. (1995). *Feminist perspective in Social Gerontology. Handbook of Aging and the family*, Westport, C.T: Greenwood.
- Lopata H.Z. (1969). Loneliness: Forms and components. *Social Problems Journal, 17*(2), 248-261.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2015). Dimuat turun daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20JKM%202015%E2%80%A2Final.pdf>.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Roslee Ahmad, Atifah Mamat & Awatif Abdul Rahman. (2018). Cabaran Abad 21 dan Keperluan Amalan Kerohanian oleh Warga Emas. *Jurnal Usuluddin Adab dan Dakwah, 1*(2), 176-184.
- Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi dan penerimaan warga emas di Kompleks warga emas al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin, 41*, 73-93.
- Russell, D, Peplau, L.A. & Ferguson, M.L. (1978). Developing a measure of loneliness. *Journal of Personality Assessment, 42*, 290-294.
- Setiyawan Gunardia, Mualimin Mochammad Sahida, Hasnizam Hashima & Lukman Abdul Mutalib. (2019). *Zadul Hayah kepada warga emas dalam menjalani kehidupan : Satu pengenalan*. E-Prosiding, Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan, Menuju Pengurusan Patuh Syariah, 2019. Dewan Tuanku Canselor USIM.
- Siti marziyah Zakaria, Khadijah Alavi dan Nasrudin Subhi. (2013). Risiko Kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah seri kenangan. *Journal of Psychology & Human Development, UKM, 1*(1), 49-56.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid, Haznizam Hashim dan Lukman Abdul Mutalib, *Zadul Hayah kepada warga emas dalam menjalani kehidupan : Satu*

pengenalan, Persidangan industri warga emas peringkat kebangsaan : Menuju pengurusan patuh syariah 2019.

Siti Norlina Binti Muhamad, Farahwahida Binti Mohd Yusof, Tamar Jaya Bin Nizar, Mohd Al'ikhsan Bin Ghazali, Akmaliza Binti Abdullah & Azlida Binti Mamat. (2015). Keberkesanan Rawatan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan Keagamaan: Kajian Dalam Kalangan Pelatih Wanita Di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu). *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1).

Syahidah Husna M. Bakeri. (2020, Mei). *Perspektif Malaysia 2030 Cabaran Negara Tua*.

Dimuat turun daripada <https://www.tsis.my/wpcontent/uploads/2020/05/PERSPEKTIF-Malaysia-2030-Cabaran-Negara-Tua.pdf>.